

18 JAN 1996

PM CANADA DISAMBUT SECARA RASMI DI PERKARANGAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Kanada Jean Chretien yang tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari telah diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen petang ini.

Pemimpin Canada itu dan isterinya Aline disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Chretien dan Dr Mahathir kemudiannya berdiri di atas pentas khas sambil Pancaragam Pusat Tentera Laut Diraja Malaysia memainkan lagu kebangsaan Malaysia dan Canada.

Pemimpin Canada itu kemudian memeriksa perbarisan kehormat oleh 107 pegawai dan anggota dari Batalion Istiadat, Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja di bawah pimpinan Mejar Nor Azmi Abdul Karim.

Selepas itu Chretien diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet Malaysia dan juga anggota-anggota kor diplomat.

Selepas upacara itu kedua-dua pemimpin meninggalkan bangunan Parlimen untuk menuju ke Jabatan Perdana Menteri bagi mengadakan perbincangan dua hala.

Malam ini, Chretien akan menjadi tetamu Dr Mahathir pada satu jamuan malam di Sri Perdana.

Lawatan Chretien itu bertujuan mempereratkan lagi hubungan politik dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua negara itu. --  
BERNAMA